

SOALAN NO.: 163

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR [SILAM]**

RUJUKAN : DN10

SOALAN:

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) untuk Sungai Sepagaya akan dapat dilaksanakan, memandangkan projek ini sangat penting dalam mengatasi masalah banjir kilat yang selalu dihadapi oleh penduduk Kampung Sepagaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedia maklum berkenaan masalah banjir yang dihadapi di bandar Lahad Datu terutama di kawasan Sungai Sepagaya. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) an Kementerian melalui Kementerian telah mengemukakan cadangan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lahad Datu dalam permohonan RMKe-11, walau bagaimanapun ianya belum lagi dapat dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.